

Teks Ucapan

**YBHG. PROF. DATUK DR. MOHD HARUN BIN ABDULLAH
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN SUKAN MAHASISWA DAN
KEJOHANAN BOLA SEPAK *ROAD TO WORLD CUP 2018***

**17 Mac 2017 (Jumaat) | 7.00 malam
Stadium UMS**

- Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Ismail Ali
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Tetamu Jemputan Khas kita, Datuk James Wong dan Datuk Hassan Sani
- Encik Hazally Jali,
Setiausaha Bahagian Sukan KPT

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti,

Pengetua-pengetua Kolej Kediaman, Pengurus-pengurus Pasukan, Para Atlet, Pasukan Beruniform, Sahabat Media UMS, seterusnya para pelajar yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Dipanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, dapatlah kita semua berkumpul dan bersama-sama meraikan Majlis Pelancaran Sukan Mahasiswa dan Kejohanan Bola Sepak *Road to World Cup 2018* pada malam ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran 2 orang tokoh bola sepak tanah air yang telah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa iaitu Datuk James Wong dan Datuk Hassan Sani.

Mereka telah berjaya membawa pasukan negara layak ke Sukan Olimpik di Moscow pada tahun 1980. Sesungguhnya, kita sangat bertuah pada malam ini kerana mereka turut bersama-sama kita untuk menjadikan majlis pada malam ini menjadi lebih bermakna. Tahniah dan syabas kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Sukan atas pengelolaan program seperti ini yang dijalankan pada setiap semester dan sesi pengajian dengan penglibatan pelajar berdasarkan entiti fakulti, kolej kediaman ataupun individu.

Pihak pengurusan universiti sentiasa menyokong sebarang program sukan dan rekreasi untuk warga universiti secara keseluruhannya. Kita memperuntukkan bajet khas sukan kepada Pusat Sukan agar program-program sukan dapat dirancang dan dijalankan sepanjang tahun termasuklah penyertaan pelbagai kejohanan kebangsaan dan pengelolaan pelbagai program sukan di peringkat UMS sendiri.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

Sukan merupakan salah satu agenda negara, maka dengan itu pihak universiti turut menekankan kepentingan sukan selaras dengan aspirasi negara. UMS juga memfokuskan peningkatan taraf kemudahan sukan untuk memberikan ruang dan peluang warga universiti menggunakan pelbagai kemudahan secara percuma, kondusif dan mesra pelanggan. Kemudahan–kemudahan ini telah mula dinaik taraf sejak tahun 2015 lagi, termasuklah membina kemudahan baharu seperti padang bola sepak tiruan yang diiktiraf oleh FIFA,

yang siap sepenuhnya pada Oktober 2016 lalu. Semua kemudahan sukan akan siap sepenuhnya menjelang pertengahan tahun ini iaitu fasa terakhir ialah menaik taraf gelanggang tenis yang telahpun hampir siap. Adalah menjadi harapan agar para pelajar mengambil peluang dan memberi ruang kepada diri sendiri untuk meluangkan masa dengan bersukan atau bersenam semaksima mungkin sepanjang berada di UMS, lebih-lebih lagi dengan kemudahan yang disediakan adalah yang terbaik setakat ini semenjak penubuhan UMS.

Saya difahamkan, setiap hari semua kemudahan sukan digunakan sepenuhnya oleh warga UMS. Hal ini menunjukkan pelaburan universiti terhadap kemudahan sukan adalah berbaloi atau "Value For Money" dan ini merupakan satu kepuasan bagi Pihak Pengurusan Universiti untuk melihat kemudahan yang disediakan ini digunakan secara optimum. Saya juga menggalakkan para pelajar menyertai atau melibatkan diri dalam pelbagai program sukan melalui kejohanan atau pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan,

sama ada sebagai pengurus, jurulatih, peserta mahupun sukarelawan. Melalui program sebegini, para pelajar akan dapat berinteraksi dan membina jati diri melalui kepimpinan, di samping mendapat manfaat secara langsung untuk kesihatan diri. Dari segi pencapaian, berdasarkan rekod-rekod yang lepas, ianya amat membanggakan kerana atlet-atlet UMS telah memenangi pelbagai pertandingan sama ada peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Ramai atlet kita telah mewakili negara antaranya:

- **Lim Boo Huat**, sukan olahraga di Sukan Universiti ASEAN 1996
- **Dr. Jurry Foo**, sukan taekwondo di Kejohanan Taekwondo Asian 2001, kini beliau merupakan pensyarah di UMS
- **Syed Mohd Salim**, sukan olahraga di Sukan Universiti ASEAN 2003
- **Linus Nicholas**, sukan olahraga di Sukan Universiti Dunia, Thailand 2008
- **Shirley Ling**, sukan tenis di Kejohanan Sukan Universiti Dunia, Russia 2013

- **James Tee**, sukan taekwondo di Kejohanan Sukan Universiti Dunia, Russia 2015
- **Laura Simon**, sukan lawan pedang di Kejohanan Sukan Universiti Dunia, Korea 2015 dan Sukan SEA 2016

UMS juga boleh berbangga kerana pada tahun ini, seramai 5 pelajar dan 4 kakitangan telah terpilih mewakili negara ke Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur yang akan berlangsung pada 19-31 Ogos nanti. Ini menunjukkan bahawa UMS adalah sebuah institusi pendidikan tinggi yang menitikberatkan sukan kepada warganya dan memainkan peranan penting untuk sukan negara. Tahniah kepada atlet-atlet UMS!

Hari ini juga saya berasa gembira kerana para pelajar antarabangsa turut terlibat bagi Kejohanan Bola Sepak *Road To World Cup 2018*, yang mana mereka akan bersaing merebut “piala dunia”. Ini merupakan satu inisiatif dan usaha yang baik kerana memberi ruang dan peluang kepada pelajar antarabangsa untuk sama-sama terlibat. Sudah pasti interaksi dan hubungan mesra akan wujud bagi mengukuhkan ukhuwah sesama warga universiti yang akan memberikan imej yang baik.

Saya mengharapkan agar lebih banyak lagi program sebegini dianjurkan untuk menarik minat dan keterlibatan pelajar antarabangsa ini.

Akhir sekali, tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat menjayakan majlis pelancaran ini dan selamat bersukan dengan semangat kesukanan yang tinggi. Semoga penglibatan anda semua akan memberikan manfaat kepada diri, UMS dan negara.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya melancarkan **SUKAN MAHASISWA UMS DAN KEJOHANAN BOLA SEPAK "ROAD TO WORLD CUP 2018"**.

Sekian, terima kasih.